

U. M. - 4 JUNI 1973

KENAikan harga beras yang berlaku sekarang belum tentu dapat diatasi kiranya Lembaga Padi dan Beras Negara mengambil 100 peratus perniagaan bahan itu di negara ini, Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Beliau sebaliknya kluatir kiranya lembaga itu mengendalikan perniagaan beras sepenuhnya LPN akan menjadi seperti LLN (Lembaga Letrik Negara) — yang tidak pernah mengeluarkan modal tetapi mendapat keuntungan.

Dr. Mahathir yang juga anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO menyatakan demikian ketika berceramah dan berdialog sempena mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Rawang di rumah UMNO Kampung Kenanga di sini pagi ini.

Menurutnya, LPN ditubuhkan oleh kerajaan dengan tujuan hendak menolong rakyat terutama petani-petani dalam soal padi dan beras.

"Tetapi sekarang lembaga itu merupakan orang yang menekan petani. Harga minima padi ditetapkan \$16 sepikul tetapi LPN membeli dengan harga \$13 hingga \$14 setelah dipotong harga guni dan padi basah" terangnya.

Beliau menambah, LPN juga mempunyai syarat yang berlainan sedikit ia itu menghantar padi ke kilang-kilang besar, oleh itu penanam-penanam padi tidak dapat menumpang kemudahan yang disediakan.

"Kilang padi kecil pula

RAWANG 3 JUN

kalau nak beli padi dari LPN dengan harga \$18.50 sepikul dan kemudiannya mesti dijual pada lembaga itu dengan harga \$46 dan seterusnya dijual pula oleh LPN dengan \$54.

"Nampaknya LPN beli padi pun untung, jual padi pun untung," katanya.

Dr. Mahathir kemudian bertanya: Dalam soal ini siapakah yang sebenarnya untung. Kerajaan kata dia pun tidak untung kerana mengeluarkan belanja yang banyak.

"Tapi yang pasti rugi ialah penanam-penanam padi sendiri," terangnya.

Beliau berpendapat apa yang hendak dibuat sekarang ialah menaikkan harga padi untuk menarik minat rakyat bekerja dalam bidang ini.

Dr. Mahathir yang membuat penjelasan ketika diminta pandangan terhadap usul Pergerakan Wanita Rawang supaya kerajaan memberi kuota 50 peratus kepada LPN untuk menjalankan perniagaan beras, seterusnya berkata:

"Harga beras naik sekarang kerana pengeluaran padi berkurangan di seluruh dunia dan kemasukan beras ke negara ini juga turut berkurangan."

Beliau menekankan, "Soal ini tidak akan dapat diatasi kalau LPN mengambil 100 peratus pun perniagaan beras di negara ini.

Soal harga beras mungkin akan bertambah buruk kalau pengeluaran bahannya berkurangan.

"Jangan beri banyak kuasa pada LPN, nanti kita tak dapat bergerak," tambahnya.

Sekarang ini LPN menjalankan perniagaan beras sebanyak 1 peratus sahaja.